

# Semua staf berperanan bangunkan UMSKAL

UB 20.9.13 B2

**SEMUA** kakitangan berperanan membantu membangunkan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang berwibawa di negara ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata staf universiti sama ada kakitangan sokongan mahupun pensyarah mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam membantu pengurusan memantapkan universiti itu.

Oleh itu, beliau mahu semua staf akademik dan bukan akademik sentiasa

berganding bahu dan bekerja keras mengikut bidang masing-masing membawa UMSKAL ke arah kecemerlangan selaras dengan misi dan visi UMS yang diterajui Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Ismail yakin kerjasama erat yang dibuktikan selama ini mampu melonjakkan UMSKAL sebagai sebuah menara gading yang dikenali bukan sahaja dalam negara malah di luar negara.

“Kita mesti bekerja dalam satu pasukan bagi memastikan hasrat murni pengurusan universiti menjadikan UMSKAL



**ISMAIL (dua kanan) ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan kakitangan baru di Bilik Seminar UMSKAL.**

lebih berdaya saing pada masa depan akan tercapai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis

perjumpaan dan suai kenal dengan kakitangan baru di Bilik Seminar, Bangunan Podium UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL),

Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Ismail berharap ahli akademik akan terus memainkan peranan penting mereka sebagai penyalur maklumat kepada pelajar ketika menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Beliau juga menasihatkan pensyarah supaya tidak membabitkan diri dalam kegiatan menyalahi peraturan universiti dan undang-undang negara termasuk menyebarkan

ajaran agama dan politik yang menjejaskan masa depan pelajar yang mudah terpedaya dan terpengaruh.

Selain itu, Ismail mahu semua kakitangan supaya membabitkan diri dalam aktiviti dan program anjuran universiti seperti sukan, riadah dan seminar serta ceramah berbentuk ilmiah.

Pada masa sama, beliau menasihatkan semua kakitangan agar mengamalkan budaya hormat-menghormati antara kakitangan lama dan baru serta mengadakan perbincangan dan berkomunikasi berkesan.